

10 JUN 2001

Abdullah-Likas

CALON DI LIKAS MUNGKIN DARI SAPP

KUALA TERENGGANU, 10 Jun -- Barisan Nasional (BN) mungkin meletakkan calon Parti Maju Sabah (SAPP), parti komponennya, pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sekiranya berlaku kekosongan kerusi oleh anggota sesebuah parti komponen BN, pada kebiasaannya parti itu diberi peluang meletakkan calonnya.

"Kadang kala ada juga perubahan tetapi bagi pilihan raya kecil (DUN) Likas, saya rasa tidak ada perubahan kerana kita tidak mahu ada tukar ganti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Kongres Dakwah Pemuda Kebangsaan dan pelancaran Angkatan Muda Dakwah (AMUD) di sini, hari ini.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata demikian ketika ditanya mengenai calon BN dan parti komponen yang akan dipilih untuk bertanding pada pilihan raya kecil DUN Likas.

Jumaat lepas, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu mengisytiharkan keputusan pilihan raya DUN Likas pada 13 Mac 1999 tidak sah dan terbatal.

Berikutan itu, satu pilihan raya kecil akan diadakan kerana berdasarkan undang-undang, sebarang keputusan dalam kes mengikut Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya tidak boleh dirayu.

Pada pilihan raya negeri 13 Mac 1999, Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee mengekalkan kerusi DUN Likas, yang disandangnya sejak April 1985, mengalahkan lima calon lain dengan majoriti 4,962 undi.

Abdullah berkata kebiasaannya, kalau BN mengambil kembali satu kerusi yang sebelumnya telah diberikan kepada parti komponennya untuk meletakkan calon, BN akan mengantikan kerusi yang lain kepada parti komponen itu.

"Tetapi dalam hal berkaitan dengan pilihan raya kecil ini, perkara itu tidak berlaku... mungkin dari parti yang sama juga," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata keputusan muktamad parti komponen BN dan calon yang sesuai untuk pilihan raya kecil itu hanya akan ditentukan selepas satu perbincangan diadakan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah yakin BN mampu mengekalkan kerusinya pada pilihan raya kecil itu.

--BERNAMA

MRA BD NAK